

# FPEP bina landasan mobiliti pelajar ke luar negara


NST 10.5.2016 3

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) mengadakan lawatan sambil belajar di Hong Kong baru-baru ini.

Bertemakan 'Discover Fragrant Harbour Educational Tour Programme' lawatan itu melibatkan 13 mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) bersama Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pasca-siswazah FPEP, Dr. Arif @ Kamisan Pusiran dan dua kakitangan pentadbiran FPEP.

Antara program yang dijalankan sepanjang lawatan lima hari itu ialah perjumpaan dan perbincangan bersama Persatuan Mahasiswa The University of Hong Kong (HKU), serta mengadakan kunjungan ke Hong Kong Polytechnic University.

Kesempatan berada di bumi Mutiara Timur itu turut digunakan sepenuhnya para mahasiswa menimba pelbagai pengalaman baharu dengan melawat Muzium Sains dan Golden Bauhinia Square, iaitu sebuah tempat bersejarah yang menjadi lokasi penyerahan semula Hong Kong dari pihak British ke pentadbiran



PESERTA ... Para peserta merakamkan gambar kenangan di The University of Hong Kong.

China pada tahun 1997.

Selain itu, rombongan PMPEP juga mengunjungi Ocean Park yang merupakan salah satu tarikan utama pelancongan di Hong Kong selain melawat pasar-pasar yang menjual pelbagai cenderamata menarik.

Menyentuh mengenai lawatan itu, Dekan FPEP, Prof Dr. Rasid Mail berpendapat bahawa pengalaman berada di luar negara ini dapat mematangkan lagi minda para pelajar mengenai kemajuan global yang begitu pesat berlaku di serata dunia.

"Di samping itu, lawatan ini juga boleh membina landasan mewujudkan suatu jaringan antara universiti-tempatan khususnya UMS dengan universiti antarabangsa untuk program mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa pada masa akan datang," katanya.